

# Cegah gejala rasuah

Dalam arus pembangunan serba moden, negara berhadapan dengan gejala rasuah.

Tidak hairan kes rasuah sering dipaparkan di media massa dan ramai disabitkan bersalah menerima hukuman setimpal.

Pelbagai istilah dikaitkan dengan rasuah termasuk duit kopi, makan suap, tumbuk rusuk, korupsi, duit bola, persetujuan sulit dan 'kick back' yang mempunyai pengertian sama iaitu menerima imbalan sebelum

atau sesudah sesuatu jasa diberikan.

## Empat rasuah

Berdasarkan kenyataan Badan Pencegahan Rasuah Malaysia terdapat empat kesalahan rasuah utama iaitu meminta atau menerima rasuah, menawar atau memberi rasuah, membuat tuntutan palsu dan menyalahguna jawatan atau kedudukan.

Jika kes pemberian rasuah ini tidak dapat dibendung dengan segera, banyak masalah sosial akan berlaku.

Contohnya, dalam bidang pekerjaan, sama ada kakitangan kerajaan atau swasta yang berpendapatan rendah tetapi berhasrat untuk memiliki kemewahan lebih daripada kemampuan menyebabkan mereka membabitkan diri dalam rasuah.

## Faktor rasuah

Masyarakat perlu mengetahui faktor berlakunya gejala rasuah.

Faktor utama yang menye-

babkan seseorang terbabat dalam rasuah ialah ingin hidup mewah dan sentiasa mengejar kebendaan tanpa mengira halal atau haram.

Individu ini hanya mementingkan material tanpa memikirkan tanggungjawab yang dipikul.

## Nafi hak

Seharusnya mereka sedar akan kezaliman dan penafian hak orang lain yang lebih layak menerimanya.

Di samping itu, sikap suka hidup bermegah-megah juga dijadikan amalan dalam kehidupan seharian.

Ada yang mahukan kehidupan lebih sempurna hingga perbelanjaan melebihi pendapatan bulanan dan menyebabkan mereka terpaksa berhutang.

Akibat bebanan hutang yang tidak dapat ditanggung, akhirnya mereka melakukan jenayah rasuah.

## Kurang penyeliaan

Faktor seterusnya, kurang



penyeliaan pegawai atasan akan menyebabkan individu mengambil kesempatan.

Perbuatan ini juga didorong oleh individu yang memiliki unsur tidak sihat untuk melakukan perbuatan rasuah, menyalahguna kuasa atau menyeleweng wang syarikat.

Kelemahan peraturan atau sistem pelaksanaan kerja juga faktor berlaku gejala rasuah.

Peraturan yang lemah membolehkan individu menguasai syarikat tanpa dapat dikesan oleh mana-mana

pihak terutama apabila majikan memberi kepercayaan penuh kepadanya.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui." (Al-Baqarah: 188).

Pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa Utama Universiti Sains Islam Malaysia, Dr. Badrul Munir Muhammad Nur, berkata masyarakat perlu tahu membezakan antara rasuah dan sedekah.

## Sedekah ikhlas

Rasuah ialah memberi kepentingan tertentu terhadap orang yang bukan pada haknya manakala sedekah ialah ikhlas terhadap sesuatu pemberian dengan mengharapkan balasan pahala tanpa mengharapkan sebarang balasan atau imbalan daripadanya.

Kesimpulannya, sudah terang lagi bersuluh.

Masyarakat perlu berganding bahu untuk bersamasama membanteras gejala rasuah.

Kita harus sedar bahawa rasuah adalah perkara yang bukan saja dilarang oleh syarak bahkan mendapat laknat daripada Allah.

**Siti Nurul Huda Bukhari**  
Universiti Sains Islam Malaysia